

di sana untuk meminta-minta sedekah kepada umum

Mudah-mudahan hal ini mendapat perhatian seluruh kerajaan Islam dalam penyelenggaraan seperti ini.

\* \* \*

### **Jangan Segan-segan untuk Bertindak**

Sesudah reda peristiwa rusuhan yang berlaku di Singapura beberapa bulan yang lalu, sekarang kita dapati ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin yang memerintah di Singapura mulai marak semula dengan kata-kata seperti dalam masa sebelum berlaku rusuhan itu iaitu kata-kata yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang-orang

Melayu khasnya dan umat Islam amnya.

Di dalam ucapan-ucapan yang telah dikeluarkan oleh Yang Dipertuan Negera dan pemimpin-pemimpin lain seperti A. Othman Wong dan lainnya sesudah peristiwa rusuhan, “Memberikan Nasihat” kepada umat Islam supaya berbaik-baik kepada lain-lain bangsa dan agama dan menyatakan pula bahawa agama Islam adalah agama yang menyeru berbuat baik kepada jiran dan sahabat.

Sekali imbas nasihat ini sememangnya baik dan patut diterima dan ajaran-ajaran itu wajib diikut (berbuat baik kepada semua orang) tetapi masa nasihat itu tiba bukanlah kena pada tempatnya dan waktunya kerana orang memandang bahawa “nasihat” itu didatangkan sesudah peristiwa terjadi rusuhan pada perayaan maulud al-Nabi (S.A.W) yang lalu yang dipandang oleh orang-orang Islam ucapan-ucapan itu seolah-olah memburukkan orang Islam bahwasanya orang-orang Islam itulah yang bersalah di dalam rusuhan itu dan orang Islam itulah yang telah melanggar peraturan-peraturan agamanya pada hal dasar Islam tidak menjadi dasar memberi suatu tempeleng pipi sebelah

kanan akan mn cara pengajaran Islam.

Umat Islam merasa sungguh-sungguh pedih menerima “nasihat-nasihat” yang didatangkan bertalu-talu dan berkali-kali di dalam mana-mana juga perjumpaan kerana ia sebagai suatu tempelak dan tuduhan bahwasanya umat Islam itulah yang bersalah di dalam peristiwa rusuhan itu. Ini suatu tempelak yang tidak tepat tetapi pahitnya di rasa oleh umat Islam terutamanya ia dikeluarkan oleh orang-orang yang beragama Islam yang hidup bergaul dengannya sehari-hari dan yang akan mati dikebumikan oleh orang-orang yang beragama Islam sendiri – bukan oleh orang lain.

Peristiwa yang berkenaan dengan rusuhan itu panasnya adalah dipanaskan oleh parti pemerintah sendiri dan oleh golongan-golongan di dalam langkah “penindasan untuk menghapuskan orang Melayu” di pulau Singapura ini. Tentunya kepada hak-hak yang di rasa oleh orang-orang Melayu sebagai haknya yang diperlukan untuk penyelenggaraan kehidupan dituduh oleh Lee Kuan Yew dan golongannya adalah tuntutan-tuntutan perkauman.

“Kami telah menolong orang-orang Melayu – kami telah memberi pelajaran-pelajaran percuma kepada orang Melayu di dalam sekolah menengah dan mengadakan biasiswa-biasiswa untuk anak-anak Melayu ke universiti” lebih kurang maksud ucapan Lee Kuan Yew pada persidangan lima hari sebelum terbit rusuhan dan ucapan ini pula diulang oleh A. Othman Wong di dalam perjumpaan Hari Raya di Pasir Panjang baru-baru ini yang seolah-olah menunjukkan bahawa kerajaan “PETIR” telah banyak berjasa kepada orang Melayu dan memandang bahawa segala langkahnya tidak berdasarkan perkauman. menjadi kewajipan kerajaan “PETIR” menyamaratakan semua pihak yang dengannya menafikan sama sekali keutamaan yang diberikan kepada golongan orang-orang Melayu.



*Orang ramai sedang berebut-rebut bersalaman dengan Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan*

*Tanah Melayu sesudah melakukan sembahyang Hari Raya di ibu kota Malaysia baru-baru ini (gambar ihsan*

*Dewan)*

Mereka telah pernah mengatakan bahawa enam orang lepasan universiti daripada orang Melayu telah diberikan peluang pekerjaan dan telah mendapat kerja tetapi orang ramai mengetahui keenam-enam orang yang berkelulusan universiti itu, kelepasannya adalah mendapat biasiswa yang terikat dengan suatu kontrak bahawa mereka mestilah bekerja dengan kerajaan di dalam masa-masa yang tertentu apabila sahaja mereka lulus dan berjaya. Sekiranya mereka minta bekerja lain maka diwajibkan bagi mereka membayar semula pemberian biasiswa yang diberikan kepada mereka itu. Inikah gembar-gembur memberikan kerja kepada orang Melayu pada hal di sebalik itu hampir-hampir beribu-ribu kelulusan-kelulusan Nanyang Universiti dipekerjakan di pejabat-pejabat kerajaan?

Jika dalam masa penjajahan dulu ada peluang kerja

bagi 30 orang di dalam Jabatan Kastam maka kerajaan penjajah itu mengantukkan pekerjaan itu hanya 5 saja bagi orang yang bukan Melayu sedang yang lainnya 25 orang bagi orang Melayu. Tetapi sesudah merdeka dan sesudah "PETIR" memerintah baru-baru ini dikatakan apabila dicari sebanyak 29 orang untuk mengisi jawatan di pejabat itu hanya dua orang saja Melayu dan selainnya 27 orang daripada bangsa Cina. Bagi orang yang ringkas fikirannya berperasaan bahawa penjajah lebih baik daripada kerajaan "PETIR" sekarang kepada orang Melayu!

Suatu langkah lagi telah dirasa oleh orang Melayu khasnya dan orang Islam amnya bahawasanya langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan "PETIR" sekarang ini akan

mengurangkan sekurang-kurangnya orang-orang Melayu di pulau Singapura ini. Langkah itu diambil berbagai-bagai cara:

1. Digalakkan sangat supaya orang Melayu

melupakan ajaran-ajaran agamanya dan tegahan-tegahan agamanya di dalam perkara menjarangkan beranak (*birth control*) ini sangat digalakkan masyarakat Melayu menjalankan “*Birth Control*” supaya pertumbuhannya tidak subur dan tidak banyak supaya orang Melayu boleh berkurang;

2. Undang-undang ditaja dan peraturan-peraturan dibuat

untuk menghalang orang Islam kahwin lebih daripada satu dan peraturan-peraturan itu dibuat dan dilaksanakan, sekalipun dibantah oleh umat Islam sendiri. Mahkamah Shari’ah dan Kadi-kadi diperintahkan menjalankan peraturan yang menghalang sesuatu perkahwinan tetapi sebaliknya bagi bangsa mereka itu (orang Cina) juga disuruh berkahwin satu tetapi mereka bebas boleh berkahwin kecil kepada perempuan-perempuan yang boleh melahirkan anak berlipat ganda daripada orang-orang Melayu (Islam), pada hal orang Islam sendiri terikat tidak boleh berbuat atau bersatu di luar nikah – tidakkah ini satu langkah atau tujuan untuk mengurangkan orang Melayu di Singapura ini?

3. Perkembangan pengajian agama Islam yang

dijalankan hanya melepaskan batok di tangga sebagai mengabui mata orang-orang Islam bahawa kerajaan “PETIR” bebas dalam agama dan tidak mencampuri perkara-perkara agama. Kebencian Lee Kuan Yew yang nampak apabila ia menyebut cita-cita Tengku Abdul Rahman hendak bersara dengan katanya: “Orang-orang Melayu dan **pemimpin-pemimpin yang berpendidikan Arab** dalam barisan kedua telah memutuskan mempertahankan diri mereka” – Ertinya: Orang-orang yang beragama akan berdiri tegak mempertahankan hak-haknya. Ini lebih jelas, jika benar apa yang disampaikan kepada kita bahawasanya

beberapa bulan yang lalu kerajaan Arab Bersatu melalui Dutanya, khabarnya, telah menyampaikan kepada kerajaan Singapura lima biasiswa untuk penuntut-penuntut Islam yang hendak menuntut di Universiti al-Azhar di Kaherah. Sesudah tawaran itu “direndam” beberapa bulan khabarnya lalu diberikan jawapan kepada kerajaan Arab bersatu bahawasanya biasiswa itu telah lewat dan tidak dapat diisi sekiranya ada biasiswa yang diberikan kepada penuntut-penuntut di Singapura selain daripada menuntut di al-Azhar – di lain-lain universiti – kerajaan Singapura akan bersedia menyelenggarakannya. Jika benar berita ini, apakah ertinya ini?! perkembangan pengetahuan agama akan di sekat dan pelajaran yang berdasarkan Bahasa Arab akan di sekat? Apa tidak adakah penuntut-penuntut yang bakal mengisi atau yang dahaga untuk menuntut keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran agamanya?

4. Di dalam bahagian-bahagian sosial dan

kebudayaan pemuda pemudi Islam digalakkan bercampur gaul dan diadakan pula didikan kepada Kadet-kadet dengan diberi latihan dan didikan oleh orang-orang Yahudi yang didatangkan dari Palestin. Tidak ada sekatan yang dibuat untuk menerima biasiswa bagi penuntut-penuntut kepada kerajaan Israel di Palestin, pada hal dengan bercantumnya Singapura dengan Malaysia maka tentu dengan sendirinya hubungan Malaysia kepada negara-negara Islam sangat kuat dan bantu membantu. Apakah ertinya ini. Adakah kelak pemerintahan “PETIR” kalau berkuasa di seluruh Malaysia – mudah-mudahan dijauhkan Allah – ia akan menjadi sebuah negara sosialis yang bukan sahaja bersifat ke kiri hampir kepada Komunis bahkan akan bersifat pula kepada Zionis (keyahudian) yang sentiasa membenci kepada Islam dan mungkin pula umat Islam di Malaysia akan menjadi umat Islam di Burma tidak

(Sambung pada muka 33)